

# Media perlu didik 'perang adalah jenayah' – Dr. M

Selama ini masyarakat dunia tidak menerima maklumat yang menyeluruh hingga menyebabkan mereka menganggap sesetengah peperangan khususnya di Iraq dan Palestin bukannya satu bentuk jenayah

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

**KUALA LUMPUR** 4 Feb. – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, media merupakan alat paling berkesan untuk menyedarkan masyarakat dunia bahawa perang merupakan satu bentuk jenayah yang perlu dihentikan segera.

Sehubungan itu, bekas Perdana Menteri mahu media bergerak lebih proaktif supaya masyarakat mempunyai persepsi lebih jelas mengenai bahaya peperangan yang berlaku ketika ini terutama kesannya kepada penduduk dan negara yang terbabit.

Beliau berkata, selama ini masyarakat dunia tidak menerima maklumat yang menyeluruh hingga menyebabkan mereka menganggap sesetengah peperangan khususnya di Iraq dan Palestin bukannya satu bentuk jenayah.

"Persepsi sebegini yang perlu kita ubah dan saya percaya media mampu melakukan tugas ini. Sebenarnya apa yang berlaku di Iraq dan Palestin sememangnya satu bentuk jenayah kerana ribuan orang awam tidak berdosa telah menjadi korban.

"Dalam isu ini pihak Barat telah mengalihkan persepsi masyarakat dengan menganggap perang yang berlaku di Darfur dan Rwanda sahaja yang dianggap perbuatan jenayah dan tidak perang di Iraq dan Pa-

lestin," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyertai perbincangan bersama para peserta Persidangan Antarabangsa Pendedahan Jenayah Perang - Jadikan Peperangan Satu Jenayah anjuran Pertubuhan Keamanan Sejagat Perdana di sini hari ini.

Persidangan tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu yang bermula esok hingga Rabu ini bakal disertai oleh peserta dari dalam dan luar negara.

Dalam memperjuangkan isu perang sebagai satu jenayah, Dr. Mahathir sebelum ini pernah mengumumkan penubuhan Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur.

Menurut beliau, persepsi masyarakat terhadap perang itu adalah hasil usaha Barat yang menyempitkan pengertian perang.

"Kita berharap dengan bantuan media, idea bahawa perang adalah satu bentuk jenayah dan bukannya satu jalan penyelesaian untuk menamatkan konflik dapat diterima baik oleh masyarakat dunia.

"Bukan itu sahaja, saya juga melahirkan harapan supaya dengan usaha kita ini, termasuk yang dilakukan oleh media, satu hari nanti ada kerajaan yang mengharamkan peperangan," ujarnya.

Um - 5/2/2007



DR. Mahathir Mohamad (dua dari kanan) tekun mendengar soalan wartawan pada sidang akhbar sempena Persidangan Antarabangsa Pendedahan Jenayah Perang - Jadikan Perang Satu Jenayah di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Pengerusi Tribunal Jenayah Perang, Datuk Abdul Kadir Sulaiman dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

– Gambar ASWAD YAHYA

Dr. Mahathir memberitahu, jaringan aktivis memerangi peperangan semakin luas terutama selepas dua kali persidangan serupa itu diadakan di Malaysia.

"Esok, persidangan kali ketiga akan diadakan dan saya yakin jaringannya lebih luas lagi selepas ini. Kita sentiasa bekerjasama walaupun mereka (peserta) telah pulang ke negara masing-masing," ujarnya.

Mengenai latar belakang para peserta

persidangan itu, beliau berkata, pada persidangan kali ini, mangsa peperangan di Iraq turut serta memberikan pandangan dan menceritakan pengalaman mereka.

"Walaupun ada pihak cuba mempertikaikan kesahihan status mangsa tetapi kami yakin mereka merupakan orang yang pernah melalui pengalaman itu dan pengalamannya amat berguna untuk kita kongsi bersama," tambah Dr. Mahathir.